

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**KAWASAN : KOTA SAMARAHAN**  
**TARIKH : 17 JUN 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG (KOTA SAMARAHAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan prestasi penyediaan kemudahan lampu jalan di kawasan Parlimen Kota Samarahan dan apakah strategi Kementerian bagi mengatasi masalah kecurian kabel lampu jalan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Pemasangan lampu jalan di Jalan Persekutuan ialah sebahagian daripada skop pembinaan atau menaik taraf sesuatu projek jalan. Manakala penyelenggaraan lampu jalan di Jalan Persekutuan pula dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik oleh Kerajaan Pusat.

Berdasarkan rekod kementerian ini, terdapat sebanyak 3,720 lampu jalan dari jenis 'double arm' dan 'single arm' yang telah dipasang di seluruh negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 400 lampu jalan terletak di kawasan Kota Samarahan. Pemasangan lampu jalan di Jalan Persekutuan terpaksa dihadkan di lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan sahaja, seperti di persimpangan jalan, selekoh dan kawasan tumpuan ramai. Ini kerana cadangan pemasangan lampu di sepanjang jalan melibatkan kos yang sangat tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kecurian kabel lampu jalan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan pihak polis. Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat bagi mengatasi isu kecurian kabel lampu jalan ini.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 130**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**RUJUKAN : 7003**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang masih berada di negara ini dan tindakan untuk mengawal pekerja asing yang tidak sah dapat dipantau.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 30 April 2014 adalah seramai 1,980,743 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).**

**Mengenai tindakan untuk mengawal pekerja asing yang tidak sah iaitu PATI, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan dan inisiatif seperti mana berikut:**

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007;**

- (ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi yang mengambil pelajar antarabangsa;**
- (iii) memperkenalkan i-Kad kepada pekerja asing yang sah sebagai dokumen pengenalan diri;**
- (iv) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- (v) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;**
- (vi) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);**
- (vii) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di**

**sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA); dan**

**(viii) Kerajaan juga telah cuba untuk melibatkan masyarakat setempat di peringkat negeri, daerah dan kampung di bawah program merakyatkan penguatkuasaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 131**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah rancangan terkini untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.; dan
- (b) adakah tempat letak kereta bertingkat akan dibina untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Berdasarkan perancangan di dalam Pelan Induk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, lapangan terbang ini akan melalui proses menaik taraf pada masa akan datang bagi meningkatkan kapasiti bangunan terminal dan juga menaiktaraf fasiliti-fasiliti di airside dan landside. Proses ini memerlukan pengambilan balik tanah yang mencukupi bagi pemanjangan landasan dan pembesaran bangunan terminal.
  
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta, pihak MAHB di dalam proses penilaian bagi melaksanakan beberapa cadangan projek bagi mengatasi masalah ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:**

- (a) Apakah penyebab utama kepada kejatuhan mendadak harga getah dan apakah mekanisme berkesan yang boleh diambil Kementerian bagi menanganinya agar golongan penoreh tidak terhimpit dalam situasi ini; dan
- (b) Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan semula Skim Bantuan Pendapatan Pekebun Kecil Getah (SBPPKG) yang telah dihentikan pada 15 Jun 2012 sebagai salah satu langkah mengurangkan beban yang ditanggung golongan penoreh ketika harga getah mengalami kemerosotan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti lain-lain komoditi bergantung kepada faktor-faktor penawaran dan permintaan dunia. Perkara ini ada kaitan dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, China dan Jepun.

Sejak suku tahun ketiga 2013, pertumbuhan ekonomi yang perlahan telah menyebabkan penurunan dalam permintaan. Ini secara langsung telah memberi impak negatif kepada harga komoditi termasuk getah.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa memainkan peranan aktif sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam memastikan daya saing industri getah selain memberikan pendapatan yang stabil kepada pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisme "*social safety net*" yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisme ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan

beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini diluluskan oleh Kerajaan.

Di peringkat antarabangsa, menerusi *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincang langkah-langkah yang lebih berkesan yang harus diambil untuk memperkukuhkan harga getah di pasaran. Satu persetujuan dijangka akan dicapai dalam masa terdekat.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan semula Skim Bantuan Pendapatan Pekebun Kecil Getah (SBPPKG) yang telah dihentikan pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, pada bulan Mei yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM130 juta di bawah Skim Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini adalah sebagai langkah segera untuk membantu pekebun kecil dan penoreh getah menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa ini.

Sekian, terima kasih.